



**IKLAN PENGAMBILAN
PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S1
JABATAN MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN**

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S1

Taraf jawatan : Kontrak (*Contract of Service*)
Bayaran Gaji : RM1,500 Minima
Bilangan Jawatan : Satu (1)
Penempatan : Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan

DESKRIPSI TUGAS

1. Membantu menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan dakwah, pengurusan masjid, akidah, halal, undang-undang Syariah, Baitulmal dan penguatkuasaan.

SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta:
 - (a) Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah; dan
 - (b) Lulus dalam subjek Bahasa Arab, Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi)**[Gaji Permulaan pada Gred S1: RM1,500.00] ; atau**
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,561.00]; atau**
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,622.00]; dan**
 - iv. Memiliki kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA MEMOHON

1. Sila kemukakan *resume*, salinan kad pengenalan, salinan sijil dan transkrip akademik serta salinan sijil-sijil lain yang berkaitan melalui pos ke alamat berikut:

Bahagian Khidmat Sokongan

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan
Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
(u.p: Puan Maslinda Binti Abdul Majid)

2. Sila tuliskan nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri (atas) sampul surat.
3. Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon untuk dihubungi adalah yang terkini dan aktif.

PERHATIAN

Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga.

Tarikh Tutup Permohonan: 30 JANUARI 2026